

16 OCT 1999

Citrawarna

KUALA LUMPUR PANCARKAN CITRAWARNA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Ibukota malam ini berubah wajah menjadi bandaraya pesta budaya pelbagai kaum dan etnik negara ini dalam perarakan Citrawarna Malaysia yang berlangsung dengan penuh gilang gemilang.

Perarakan warna warni itu dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di hadapan mercu tanda Kuala Lumpur, Bangunan Sultan Abdul Samad.

Kira-kira 4,000 peserta dari semua negeri di Malaysia memaparkan kekayaan dan keindahan budaya Malaysia dengan memberi persembahan yang memukau ribuan penonton termasuk tetamu jemputan dan para pelancong luar negara.

Jutaan rakyat Malaysia turut menyaksikan acara lebih dua jam itu yang disiarkan secara langsung oleh Radio Television Malaysia.

Acara gemilang itu, yang diadakan sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-11, turut disaksikan oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta jemaah menteri adalah antara mereka yang menyaksikan acara itu.

Bangunan Sultan Abdul Samad malam ini dimandikan dengan cahaya warna warni termasuk pertunjukan bunga api yang menarik.

Perarakan itu, yang dipenuhi dengan persembahan kebudayaan dan kesenian masyarakat negeri-negeri, memperlihatkan keunikan Malaysia menghimpunkan semua bangsa dan kumpulan etnik dalam suasana harmoni dan bersatu padu.

Kumpulan-kumpulan kebudayaan dan kesenian termasuk daripada masyarakat Orang Asli dari negeri-negeri mempersembahkan pelbagai tarian identiti masing-masing.

Sebanyak 30 ekor kuda dari unit berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan para penunggangnya mengenakan pakaian tradisional hulubalang Melayu turut menyerikan acara itu manakala para penunggang kuda Bajau pula memperlihatkan kemahiran masing-masing mengendalikan kuda mereka.

Serentak dengan pelancaran perarakan itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut melancarkan "Bulan Citrawarna Malaysia".

Sempena acara sepanjang bulan itu, hotel-hotel dan pusat pelancongan di seluruh negara dihiasi dengan penuh warna warni mengikut ciri-ciri budaya Malaysia.

Paluan Gendang Seratus, yang membabitkan paluan pelbagai jenis gendang oleh pelbagai kaum dan kumpulan etnik sebagai tanda memulakan acara itu, turut menarik perhatian para penonton.

Perarakan itu diakhiri dengan pengenalan lagu tema Citrawarna Malaysia bertajuk "Malaysia Truly Asia" gubahan Datuk Ahmad Nawab dan didendangkan oleh penyanyi Khatijah Ibrahim.

Semua peserta perarakan itu, yang berkumpul di hadapan pentas diraja, turut menyanyikan beramai-ramai lagu tema itu.

Lagu tema itu juga dinyanyikan dalam 10 bahasa utama dunia.

-- BERNAMA

AFY NAK